**BERITA HARIAN - 17 MAY 2019**
**(PAGE NO. : BISNES, 56)**
**(PR VALUE : RM 11,468)**

# SunCon capai 67 peratus sasaran kontrak

**Sunway** Construction Group Bhd (SunCon) memperoleh 67 peratus daripada sasaran kontrak dalam tangan bernilai RM1.5 bilion pada suku pertama 2019, sekali gus menjadikan jumlah kontrak dimilikinya kepada RM5.7 bilion.

Perolehan kontrak dalam tangan itu memberikan SunCon unjuran pendapatan yang positif bagi tempoh dua tahun akan datang.

Daripada projek bernilai RM1 bilion yang diperolehinya itu, 10 peratus daripada tempahan kontrak baharu itu adalah dari syarikat induknya, Sunway Bhd.

Pengarah Urusan Kumpulan SunCon, Chung Soo Kiong, berkata pihaknya yakin dapat mengekalkan prestasi memberangsangkannya itu sepanjang tahun dan memenuhi sasaran tempahan kontrak.

**Fakta nombor**

**RM1.5 BILION**
sasaran kontrak pada suku pertama 2019

**RM5.7 BILION**
jumlah kontrak dimiliki